



# TATAKELAKUAN & ETIKA BAGI RAKAN PERNIAGAAN

Dikemaskini pada Mei 2023



## ISI KANDUNGAN

PAGE 03	PENGENALAN
PAGE 04	PRINSIP 1 : KOMPETENSI
PAGE 05	PRINSIP 2 : PEMATUHAN
PAGE 06	PRINSIP 3 : INTERGRITI
PAGE 07	PRINSIP 4 : KERAHSIAAN
PAGE 09	PRINSIP 5 : SIKAP OBJEKTIF
PAGE 10	PRINSIP 6 : PERSEKITARAN

# PENGENALAN

## Tujuan

Kumpulan Perbankan Hong Leong (“Kumpulan Perbankan”) ingin memastikan bahawa sesiapa jua yang diberi kebenaran untuk melaksanakan tugas dan fungsi bagi atau membekalkan barang atau perkhidmatan kepada Kumpulan Perbankan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, vendor, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan, tuan punya, kontraktor, intern, pelatih industri dan kakitangan agensi (“Rakan Perniagaan”) berpegang kepada standard profesionalisme dan etika yang tinggi dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan profesional mereka sepetimana dinyatakan dalam Tatakelakuan & Etika (“Tatakelakuan”).

## Liputan

Tatakelakuan ini meliputi semua Rakan Perniagaan.

3.

## Pernyataan Dasar

Anda bertanggungjawab untuk benar-benar memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini. Anda dikehendaki memberi pengakuan bahawa anda telah membaca, benar-benar memahami dan akan mematuhi Tatakelakuan ini setiap tahun. Tatakelakuan ini akan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat perjanjian perkhidmatan (“Perjanjian”) antara anda dengan Kumpulan Perbankan. Kegagalan mematuhi Tatakelakuan ini boleh menyebabkan Perjanjian ditamatkan.

Dokumen ini adalah hak milik HLBB/ HLISB dan dianggap sulit. Tiada bahagian di dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa bentuk ataupun cara, termasuk mekanikal, elektronik, fotokopi, rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan HLBB / HLISB.

## PRINSIP 1: KOMPETENSI

### Cekap, Cermat & Tekun

Dalam menunaikan obligasi anda di bawah Perjanjian (“Perkhidmatan”) selaras dengan terma-terma Perjanjian, anda hendaklah cekap, cermat, dan tekun.

### Kelulusan dan Lesen

Anda memberi jaminan, representasi dan aku janji bahawa anda telah dan akan terus memiliki segala kelulusan dan lesen yang diwajibkan bagi melaksanakan Perkhidmatan tersebut.

## PRINSIP 2: PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

### Mematuhi Undang-undang dan Peraturan

Anda mesti mematuhi semua undang-undang, keperluan pematuhan dan kawal selia yang terpakai pada setiap masa, terutamanya yang berkaitan dengan prestasi Perkhidmatan, dan bersikap terbuka dan telus dengan pengawal selia. Anda mesti bekerjasama sepenuhnya dan memberikan maklumat yang tepat untuk sebarang penyiasatan dalaman atau luaran.

### Mendukung Toleransi Sifar Bank Terhadap Jenayah Kewangan

Anda tidak boleh menyebabkan Bank memulakan atau meneruskan hubungan perbankan dengan seseorang individu atau syarikat yang mana mereka diketahui atau disyaki terlibat dengan jenayah kewangan. Anda dikehendaki mematuhi sepenuhnya proses pelaporan dan pengaduan sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki sebarang aktiviti jenayah kewangan.

## PRINSIP 3: INTEGRITI

### Salah Guna Maklumat

Anda dilarang menggunakan bahan dan maklumat bukan awam tentang Kumpulan Perbankan, pelanggan kami atau syarikat lain yang berurus niaga dengan kami untuk meraih kelebihan langsung atau tak langsung bagi diri sendiri atau orang lain.

### Aset Kumpulan Perbankan

Apabila aset Kumpulan Perbankan diperuntukkan kepada anda, anda hendaklah menggunakan aset Kumpulan Perbankan itu bagi Perjanjian yang sah sahaja. dan melindunginya termasuk daripada serangan berkaitan siber, kecurian, kehilangan, pembaziran atau salah guna Kumpulan Perbankan akan memantau bagaimana anda menggunakan aset kami, termasuk emel dan internet, sepetimana dibenarkan undang-undang dan peraturan, untuk mengesan salah laku.

6.

### Melaporkan Perbuatan Salah atau Tak Beretika

Segala perbuatan salah atau tidak beretika, mestilah dimaklumkan kepada Kumpulan Perbankan sekiranya anda diarah atau dinasihatkan secara tak wajar supaya melakukan perbuatan salah di sisi undang-undang atau tak beretika atau jika anda menyaksikan sebarang salah laku oleh pekerja Kumpulan Perbankan , pelanggan atau Rakan Perniagaan yang lain sepanjang menjalankan Perkhidmatan.

Anda dikehendaki segera melaporkan sebarang pelanggaran yang diketahui atau disyaki terhadap Tatakelakuan atau sebarang undang-undang, syarat pematuhan atau peraturan berkenaan perniagaan Kumpulan Perbankan . Laporan perlu dibuat tanpa mengira sama ada anda terlibat dalam pelanggaran itu atau tidak. Seperti juga anda akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan anda sendiri, anda juga boleh dipertanggungjawabkan jika tidak melaporkan perbuatan orang lain jika anda tahu atau semunasabunya telah tahu bahawa mereka telah melanggar mana-mana dasar, undang-undang, syarat pematuhan atau peraturan berkenaan.

## PRINSIP 4: KERAHSIAAN

### Melindungi Maklumat Sulit Pelanggan dan Kumpulan Perbankan

Sepanjang menjalankan, atau selepas Perjanjian ditamatkan, anda dilarang mendedahkan atau menyalah guna maklumat sulit pelanggan atau Kumpulan Perbankan, tidak kira dalam apa-apa bentuk atau medium, sama ada untuk keuntungan peribadi atau sebaliknya. Anda berkewajipan melindungi maklumat sulit tersebut dan mengambil langkah pencegahan berikut, jika berkenaan:

- i. Jangan berkongsi maklumat sulit dengan kawan, keluarga, pekerja anda/ Kumpulan Perbankan atau pihak lain yang tidak diberi kuasa untuk menerima maklumat sedemikian;
- ii. Tidak membincangkannya di hadapan orang ramai atau tempat terbuka iaitu tempat orang lain boleh mendengar tutur kata anda (kaki lima, lif, ruang legar dsb.);
- iii. Tidak mengakses atau menggunakan maklumat sulit bagi tujuan yang tidak dibenarkan;
- iv. Tidak menyebarkan maklumat sulit, dalam siaran umum dalaman, atau di luar Kumpulan Perbankan (termasuk kepada alamat emel peribadi anda sendiri);
- v. Mengumpulkan dokumen sulit dengan segera daripada tempat percetakan, mesin fotokopi dan mesin faks tanpa pengawasan.
- vi. Dilarang menyerahkan dokumen bank dan apa-apa maklumat sulit yang lain kepada pekerja pencuci pejabat atau pihak ketiga untuk dilupuskan bagi pihak anda;
- vii. Sebarang dokumen yang tidak diperlukan dan mengandungi maklumat sulit hendaklah dilupuskan; dan
- viii. Sebarang dokumen sulit Perbankan haruslah dilindungi dengan cermat dan terjaga.

## PRINSIP 4: KERAHSIAAN

### Pernyataan Awam

Anda dilarang membuat sebarang pernyataan awam (lisan, bertulis atau lain-lain) termasuk melalui media sosial dan saluran lain dalam talian mengenai Kumpulan Perbankan tanpa tanpa sebarang kesetujuan dan kelulusan bertulis daripada Kumpulan Perbankan. Sekiranya anda didatangi atau dilawati oleh anggota warga media, anda mestilah melaporkan kepada Kumpulan Perbankan dengan segera.

## PRINSIP 5: SIKAP OBJEKTIF

### Konflik Kepentingan

Anda dilarang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti peribadi atau perniagaan yang bersaing atau bercanggah dengan kepentingan Kumpulan Perbankan.

### Salah Guna Kedudukan

Anda dilarang menggunakan kedudukan anda sebagai Rakan Perniagaan Kumpulan Perbankan untuk meraih kelebihan perniagaan dan peribadi bagi diri sendiri atau orang lain.

### Antisogokan dan Rasuah

Perbankan mengamalkan sikap toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah dan korupsi. Pada setiap masa, anda mestilah mematuhi Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi Kumpulan Perbankan, segala undang-undang dan peraturan Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi tempatan serta segala peruntukan Perjanjian berkenaan. Anda diminta melengkapkan modul latihan diri Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi yang terdapat [di sini](#).

## PRINSIP 6: PERSEKITARAN

### PersekitaranTempat Kerja Selamat

Anda hendaklah mematuhi undang-undang berkenaan seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana Akta ini berkait dengan usaha memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan tenaga kerja anda dan semua orang yang mungkin berada di premis Kumpulan Perbankan termasuk pekerja dan pelanggan kami.

Sebarang perbuatan atau ancaman keganasan terhadap orang lain atau harta benda Kumpulan Perbankan adalah dilarang dan hendaklah dengan serta-merta dilaporkan kepada Kumpulan Perbankan. Pemilikan atau penggunaan senjata tanpa kebenaran atau rujukan berunsur ancaman kepada senjata semasa menjalankan Perkhidmatan anda, di premis Kumpulan Perbankan atau semasa acara majlis Kumpulan Perbankan adalah juga dilarang.

10.

Ketika berada di premis Perbankan, sentiasa amalkanlah tabiat keselamatan fizikal yang baik dan sentiasa berwaspada demi memastikan keselamatan pekerja dan pelanggan anda/ Perbankan. Jangan benarkan Individu yang tidak berkenaan memasuki kawasan larangan. Sebarang aktiviti jenayah atau aktiviti disyaki jenayah atau keadaan yang boleh menimbulkan ancaman kepada anda atau orang lain hendaklah segera laporkan kepada Kumpulan Perbankan.

Anda hendaklah sentiasa memberi perhatian berikut

- i. Jika anda menyedari sebarang potensi atau bahaya sebenar kepada kesihatan atau keselamatan, laporkanlah kepada Kumpulan Perbankan dengan serta-merta;
- ii. Apa-apa kemalangan di premis Kumpulan Perbankan melibatkan kecederaan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada Kumpulan Perbankan; dan
- iii. Memastikan keadaan persekitaran sentiasa bersih, bebas bahaya dan sihat.

## PRINSIP 6: PERSEKITARAN

### Kelakuan

Anda dilarang, pada bila-bila masa, terlibat dalam, atau menggalakkan perbuatan mengganggu atau mengusik atau kelakuan tak wajar atau tingkah laku kasar oleh atau terhadap pekerja, pelanggan atau rakan perniagaan kami. Antara contoh kelakuan tak dapat diterima ialah gurauan yang tak disenangi, ancaman, sentuhan fizikal, komen yang menghina, menyakat, membuli, mengugut atau tutur kata atau perbuatan yang kasar atau kesat.

### Tempat Kerja Bebas Dadah dan Minuman Alkohol

Anda dilarang minum atau berada di bawah pengaruh alkohol pada bila-bila masa semasa menjalankan Perkhidmatan anda, di premis Kumpulan Perbankan dan/atau pada acara majlis yang dibenarkan oleh Kumpulan Perbankan.

Anda dilarang menjual, membuat, mengedar, memiliki, mengguna atau berada di bawah pengaruh dadah haram di premis Kumpulan Perbankan atau ketika menjalankan Perkhidmatan anda. Kumpulan Bank berhak melakukan pemeriksaan untuk mencari apa-apa dadah haram di premis Kumpulan Perbankan .

## PRINSIP 6: PERSEKITARAN

### Pejabat

Sekiranya anda diberikan akses untuk memasuki premis Bank, anda diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dan peka dengan setiap tindakan dan kata-kata anda di premis Bank. Anda dilarang daripada:-

- I. Menggunakan peralatan audio, video, atau peralatan rakaman yang lain bagi merakamkan mesyuarat, perbincangan, temu bual atau perbualan di tempat kerja tanpa kebenaran jelas daripada Pengerusi mesyuarat atau pihak yang dirakamkan itu (rakaman yang dilakukan oleh Bank untuk tujuan rasmi dikecualikan daripada larangan ini);
- II. Menjalankan aktiviti peribadi seperti menyebarkan fahaman agama atau politik di kalangan penghuni premis Kumpulan Bank;
- III. Melakukan upacara sembahyang di tempat selain bilik sembahyang yang dikhaskan
- IV. Menunaikan ibadat solat di tempat lain selain daripada surau.

## PRINSIP 6: PERSEKITARAN

### Kesan Alam Sekitar

Anda mesti menetapkan standard minimum untuk kesan alam sekitar termasuk mewujudkan amalan operasi lestari, yang termasuk -

- I. Menetapkan polisi kelestarian yang bersesuaian dengan saiz, sifat dan kompleksiti sesuatu operasi itu dan mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kesan operasi berkenaan.
- II. Mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar.
- III. Menunjukkan komitmen untuk beralih kepada karbon rendah serta mempunyai program pengurusan alam sekitar kawalan dalaman yang berkesan dan kakitangan yang cukup terlatih untuk menguruskan prestasi alam sekitar organisasi.